



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	28/06/2012

Dr Mahathir pembimbing sifat membaca konstruktif

Pemilihan bekas Perdana Menteri sebagai Ikon Membaca Kebangsaan wajar dimanfaatkan



**Ibrahim
Yahya**

dattiktiger@yahoo.com

PEMILIHAN Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Ikon Membaca Kebangsaan oleh kerajaan pada Mei lalu adalah tepat dan bermakna. Ia sesuai dengan sifat bekas Perdana Menteri itu yang bukan saja gemar membaca tetapi suka menulis sejak zaman muda. Kegemaran negarawan ulung ini harus diteladani generasi sekarang. Banyak membaca, banyak menulis, maka bertambahlah ilmu pengetahuan mereka.

Bagi Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, pemilihan Dr Mahathir sebagai ikon membaca perlu dimanfaatkan oleh rakyat. Ikon yang perlu dicontohi dan sifat murni beliau wajar diamal serta diperkembangkan sepanjang masa.

"Saya tidak perlu menyatakan kenapa Dr Mahathir dipilih dan kita memohon beliau membimbing kita ke alam dunia membaca yang konstruktif. Bak kata orang sekiranya beliau meneroka ladangnya sudah luas, sekiranya beliau bertugas khidmatnya dikenali. Kita lihat bahawa 23 ke 25 buku ditulis beliau sama ada yang tebal, nipis atau yang sederhana. Memang tidak perlu bagi saya menyatakan buku *Malay Dilemma*. Tak perlu bagi saya menyatakan *Panduan Bagi Peniaga-Peniaga Kecil* atau *Ingatan Berhubung Dengan Asia* malah yang terakhir mengenai *Doktor Umum* pun tidak wajar saya sebut lagi sebab kita sudah kenal siapa yang menulis buku itu." katanya.

Pada majlis Pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan dan Penye-



DR MAHATHIR dikerumuni pelajar untuk mendapatkan tandatangannya pada majlis pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan dan Penyenamaan Kempen Nilai-Nilai Murni 1 Malaysia di Perpustakaan Negara.

marakan Amalan Nilai-Nilai Murni yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan dihadiri pelajar sekolah, Rais berkata jika murid masih tertanya-tanya siapakah orang yang menulis buku itu, beliau ialah Tun Dr Mahathir, yang disayangi ramai.

"Bagi saya khasnya dan barangkali Muhyiddin, bolehlah menyatakan kami adalah anak murid politik yang belajar di bawah Dr Mahathir. Antara dua anak murid ini mungkin saya lebih tua menjadi murid berkenaan tetapi satu perkara yang saya tidak dapat mempelajari semuanya ialah cara beliau gemar membaca, cara beliau menulis secara prolifrik setakat ini dan dengan hal yang sedemikian dunia mengiktiraf beliau sama ada menerusi *award* atau penganugera-

han ataupun menerusi pengiktirafan universiti di Malaysia sendiri.

"Saya membilang iaitu 20 pengiktirafan dan penganugerahan dari 20 universiti di Malaysia diberikan kepada beliau. Di atas penulisan pada 1988 beliau menyatakan hanya dengan membaca sesuatu komuniti itu boleh maju dan mencapai inti atau skor kehidupan masing-masing. Jika itulah yang dimaklumkan beliau pada tahun berkenaan, pasti pada tahun ini ia masih relevan. Lantaran itu keberadaan Tun di pekarangan Perpustakaan Negara pada petang ini adalah keberadaan yang sangat membina. Mujurlah hendaknya kita belajar daripada keistimewaan pengajian beliau di samping kebolehan beliau menulis. Juga tidak perlu bagi saya menyatakan siapakah yang menu-

lis dalam laman web Che Det ataupun pandangan beliau berhubung pembinaan negara bangsa. Sama ada ia berkaitan Dasar Pandang ke Timur ataupun berhubung dengan dasar-dasar pembelajaran, negara kita telah menerima dividen yang positif dan jasa beliau itu sentiasa dikenang. Diirak ialah padi, dandang anak desa, yang cantik ialah budi, dikenang ialah jasa Tun." katanya.

Pengiktirafan terhadap Dr Mahathir, kata Rais, sudah pasti akan menyemarakkan lagi minat rakyat negara ini membaca yang secara tidak langsung menyemarakkan lagi kempen budi bahasa atau nilai murni yang berjalan selama ini apatah lagi ia kini seiring dengan kempen membaca kebangsaan.

Menerusi pembabitan Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan serta perkhidmatan awam selain ketua kampung, pemimpin masyarakat, guru dan golongan lain, kaitan kegemaran membaca dengan nilai murni adalah amat rapat malah sebahagian cerdik pandai kita menyatakan apabila seseorang gemar dan rajin membaca, sekali gus beliau akan merasai nilai hidup positif dan murni dapat sekali gus dicantumkan dalam kehidupan kita.

Pandangan Rais itu tentu memaparkan pemikiran jelas dalam kalangan kita. Oleh itu, hal yang berhubung pembacaan yang diwakili Dr Mahathir serta cerdik pandai yang hadir di sini akan suatu hari nanti bertemu dengan kenyataan hidup iaitu produktiviti dan perolehan dalam kehidupan sentiasa dijelmakan serta diiringi menerusi budi bahasa dan nilai murni.

Rais berkata, perkataan terima kasih dengan perkataan mari membaca, assalamualaikum dan pembacaan berhubung dengan Tamadun Islam kedua-duanya bergabung

baik. Antara itu juga kata-kata peribahasa kita ada ubi ada batas, ada budi ada balas. Antara ubi dan budi inilah mungkin orang Melayu terasa oleh kerana kemajuan di negaranya sudah begitu tinggi maka tidak payah lagi bagi kita untuk bersalaman bertanya khabar atau berterima kasih. Antara membaca dan nilai murni sesungguhnya harus diterokai bersama.

"Dua tajuk ini akan sentiasa kita orak langkahnya dan kita akan mencari rakan dalam masyarakat menerusi Kementerian dan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan serta mereka yang mahu berfikir agar menyatakan bahawa membina negara bangsa bukan hanya menerusi kerja formal yang dilakukan oleh pemimpin, pegawai ataupun mereka yang bertungkus-lumus menentukan perihal keduniaan di negeri masing-masing, malah pembangunan negara itu boleh kita terapkan sebagai kenyataan bahawa bahasa budi bahasa dan nilai murni dengan pembacaan yang meluas juga membawa kita ke alam tinggi dan dunia kehidupan bertamadun tinggi." katanya.

Rais berkata, pada 2010 angka kasar profil membaca rakyat ialah setiap lapan buku dibaca purata seorang yang gemar membaca di Malaysia.

"Angka ini boleh dianggap sebagai menggalakkan daripada angka yang terdahulu tinggal lagi bagaimanakah tabii membaca itu harus menjadi darah daging seseorang. Ini yang menjadi persoalan, dan dalam sedemikianlah dengan tertera dan disambutnya," katanya.

Rais juga mengajak rakyat negara ini mengubah sikap supaya kerajinan dan ketekunan dalam memegang jawatan dan perkhidmatan yang dicurahkan oleh Dr Mahathir menjadikan kita manusia yang mengingati tuntutan nilai murni.